

Headline	Dirempuh kereta ketika jual ulam		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	20 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	21	ArticleSize	188 cm ²
AdValue	RM 954	PR Value	RM 2,862



Dirempuh kereta ketika jual ulam

JITRA - Seorang warga emas yang kehilangan mata pencarian selepas mengalami kecederaan akibat dirempuh kereta ketika sedang mengemas jualan ulam-ulamannya berhampiran Pasar Jitra, menerima sumbangan Tabung Haji (TH) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi meringankan bebannya.

Rokiah Hashim, 61, yang menetap di Kampung Budi, dekat sini, berkata akibat kejadian berkenaan, dia cedera di kaki, tangan dan punggung.

"Kini saya hanya bergantung kepada anak perempuan tetapi dia pun ada tanggungan sendiri malah dia juga ibu tunggal," katanya.

Sementara itu, Pengarah TH Kedah, Ahmad Sohaimi Abd Rahim berkata, sumbangan yang dihulur kepada Rokiah adalah inisiatif daripada Kelab Kebajikan TH dengan kerjasama UUM.

"Alhamdulillah, hari ini kita memberi sedikit sumbangan barangan keperluan dapur dan wang tunai kepada makcik Rokiah sekeluarga," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Kerohanian Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM, Zaree



Ahmad Sohaimi menyerahkan sumbangan kepada Rokiah (duduk, kiri) semalam.

Zakaria berkata, pihaknya menyambut baik sebarang usaha mana-mana pihak untuk bekerjasama melaksanakan program khidmat masyarakat. "Aktiviti

kemasyarakatan seperti ini adalah sebahagian daripada program Kelab Kerohanian yang dijalankan oleh kakitangan dan pelajar," katanya.